



JAMUAN RAYA JSKM 2022

Azlina Binti Mohd Mydin



Jamuan Raya JSKM merupakan salah satu aktiviti tahunan jabatan. Memandang PKP selama 2 tahun, jamuan raya kali ini disambut dengan lebih kemeriahan. Tujuan utama program ini adalah untuk merapatkan lagi ukuwah dikalangan warga JSKM terutamanya di waktu perayaan sebegini. Satu jawatankuasa ditubuhkan bagi menjayakan majlis Jamuan Raya JSKM 2022.

Jamuan Raya JSKM 2022 ini bertemakan “Warna Warni JSKM” yang menampilkan kemeriahan dan keceriaan dikalangan warga JSKM. Pelbagai menu mengikut kategori menu utama, pencuci mulut, buah-buahan dan makanan tradisonal disediakan. Satay, leman, rendang, soto, makaroni, puding *sandwich* dan rojak buah adalah antara menu-menu yang disediakan. Makanan yang disediakan semua sangat sedap dan menyelerakan. Sebagai kelainan, satu pertandingan booth makanan tercantik dianjurkan bagi memeriahkan lagi jamuan kali ini. Hadiah yang menarik diberikan kepada pemenang sebagai tanda berterima kasih kepada kesungguhan warga bagi menjayakan pertandingan ini. Selain itu, booth untuk bergambar juga disediakan oleh AJK bagi mereka yang ingin bergambar dalam suasana Hari Raya.

Seawal 8.30 pagi warga JSKM mula mengemas dan menghias booth makanan masing-masing. Tepat jam 9.15 pagi jamuan dimulakan dengan ucapan dari koordinator jabatan iaitu Puan Nor Azah Umar dan diikuti oleh upacara pemotongan kek sambutan hari jadi staf jskm. Tiga orang panel diminta untuk mengadili pertandingan booth tercantik. Setelah selesai penjurian, acara pemberian hadiah dijalankan dan jamuan berakhir pada pukul 11.45 pagi.

